

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH 26 BULAN 06 TAHUN 2024

WOW2024 didik masyarakat peka alam sekitar

UMS 26/6/2024 m/s 26-

KUALA TERENGGANU:

Peneraju ilmu kelautan dan sumber akuatik di pantai timur, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) meneruskan acara tradisi dalam menyebarkan kempen pemuliharaan alam sekitar melalui penganjuran World Oceans Week 2024 (WOW2024).

Berlangsung di Kuala Terengganu City Centre (KTCC) pada 7-8 Jun 2024, program itu berkonsepkan kempen kesedaran dengan memperkenalkan kepada masyarakat berkaitan ilmu pengetahuan penjagaan alam sekitar melalui aktiviti dan sesi perkongsian yang menyeronokkan.

Mengetengahkan penyelidik yang mempunyai pelbagai bidang kepakaran berkaitan lautan dan alam sekitar, UMT melalui Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) mengambil tanggungjawab 'menjaga' alam sekitar itu bagi mengendalikan aktiviti-aktiviti serta ceramah interaktif bagi memberi fokus pada kelestarian

dalam usaha membantu kanak-kanak untuk lebih memahami tentang kepentingan pemuliharaan alam.

Lebih menarik, penganjuran WOW2024 menyediakan pelbagai aktiviti mengikut kesesuaian peringkat umur seperti intercoastal Beach Clean up, indoor rowing, plastic upcycling, pameran penyelidikan, pertandingan mewarna, marine animal craft, pemeriksaan kesihatan percuma, e-sport dan lain-lain.

Pensyarah Fakulti Sain dan Sekitaran Marin UMT, Dr. Tengku Fara Kamalia Tengku Mohd Kamil berkata pihaknya mengambil tanggungjawab itu bagi memastikan usaha penyebaran kempen kelestarian alam dilakukan secara berterusan untuk generasi akan datang.

"Minggu Lautan Sedunia atau WOW2024 merupakan kesinambungan daripada Hari Lautan Sedunia yang disambut pada 8 Jun setiap tahun.